KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	08.04.22	MUKA SURAT	:	18
JABATAN	:	JPSM			

Lelaki disyaki dalang ceroboh hutan simpan ditangkap

Raub: Risikan lebih dua jam yang dilakukan anggota Unit Penguat kuasa Pahang Barat (UPKPB) Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) berjaya membongkar kegiatan pencerobohan Hutan Simpan Rotan Tunggal di sini, kelmarin.

Kegiatan berskala besar itu dipercayai didalangi seorang lelaki berusia 48 tahun dengan menggunakan satu jentolak dan dua jengkaut untuk membersih kawasan hutan serta membina jalan.

Penolong Pengarah Kanan Penguatkuasaan (Zon Pahang Barat) JPNP, Shahril Mohamad berkata, anggotanya menggunakan tiga motosikal untuk sampai ke kawasan terbabit kira-kira lapan kilometer melalui jalan tanah merah berbatu.

Menurutnya, selepas melakukan risikan, anggota UPKPB dibantu pasukan Unit Tindakan Khas (UTK) Pejabat Hutan Daerah (PHD) Raub bertindak melakukan serbuan di lokasi terbabit.

"Kami menemui satu jentolak dan dua jengkaut berada dalam kawasan Hutan Simpan Rotan Tunggal dipercayai digunakan untuk aktiviti membersih hutan dan membina jalan.



JENTOLAK ditemui dalam Hutan Simpan Rotan Tunggal, Raub dipercayai digunakan untuk membersihkan kawasan dan membina jalan. - Gambar NSTP/MOHD RAFI MAMAT

"Ketika pemeriksaan dilakukan datang seorang lelaki yang mendakwa pemilik jentera terbabit, dan kita menahan individu itu bagi tujuan siasatan dan laporan polis dibuat.

"Kami turut menemui tiga batang kayu jaras spesies Chengal dipercayai ditebang oleh pihak yang menceroboh hutan berkenaan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurutnya, pihaknya menyita tiga jentera terbabit manakala individu yang ditahan sudah dibebaskan dengan jaminan polis.

Katanya, kegiatan menceroboh Hutan Simpan Rotan Tunggal dipercayai untuk dijadikan ladang kelapa sawit.

"Siasatan lanjut dilakukan bagi mengenal pasti dalang utama kegiatan itu bagi tujuan pendakwaan," katanya